

18 JUNE 2004

MAHATHIR-PENJELASAN/I

MAHATHIR BERKATA BELIAU TERIMA ELAUN DARIPADA PETRONAS

KUALA LUMPUR, 18 Jun (bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir

Mohamad berkata beliau menerima elaun bulanan bercukai daripada Petroliam

Nasional Bhd (Petronas).

Bagaimanapun, jumlah yang diterimanya jauh daripada jumlah ratusan ribu ringgit yang didakwa diterimanya.

Dalam satu kenyataan, Dr Mahathir berkata, beliau tidak menerima sebarang gaji atau elaun daripada Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Lembaga Pembangunan Tioman (TDA).

Dr Mahathir berkata, apabila beliau bersetuju menjadi penasihat kepada

semua pertubuhan itu, ianya adalah untuk membantu mencapai objektif masing-masing yang diharapkan akan memberi faedah kepada negara.

Pulangan berbentuk kewangan tidak pernah dibincangkan atau terlintas di

dalam fikirannya bahawa beliau akan mendapat sesuatu ganjaran daripada

kedudukan yang akan dipegangnya, kata kenyataan itu.

Kenyataan itu adalah untuk menjelaskan kenyataan yang dibuatnya di

Langkawi semalam di mana beliau diaporkan telah menyatakan bahawa beliau

tidak menerima sebarang ganjaran dengan kedudukannya sebagai penasihat

Petronas, Proton, LADA dan TDA.

-- BERNAMA

MSL KTC AHM